

(10 November 2020) Anwar.p.8

Malaysia catat 1,345 kes pulih

Sebanyak 972 kes baharu dilaporkan semalam

KUALA LUMPUR

Sejumlah 1,345 pesakit sembuh wabak koronavirus (Covid-19) semalam, lebih tinggi daripada jumlah kes baharu iaitu sebanyak 972 kes dalam tempoh 24 jam di negara ini, menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih ialah sebanyak 29,579 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan kini mencatat 11,308 kes. Dr Noor Hisham berkata, dari-

pada 972 kes baharu semalam, sebanyak 967 merupakan kes penularan dalam negara dan lima kes import dilaporkan.

“Bagi penularan tempatan, Sabah terus mencatatkan kes baharu tertinggi dengan 370 kes, Negeri Sembilan mencatat 260 kes, Selangor (137), Wilayah Persekutuan Labuan (63), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (20), Perak (51) dan Pulau Pinang (34).

“Kedah dan Johor masing-masing mencatat lapan kes, Melaka dan Wilayah Persekutuan Putrajaya masing-masing merekodkan lima kes, Sarawak (empat) dan Kelantan dengan dua kes,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sementara itu, terdapat lima kes

import yang mendapat jangkitan dari luar negara yang melibatkan dua warganegara dan tiga bukan warganegara yang tiba dari Filipina, (dua kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); Singapura (dua kes di Johor) dan Nepal (satu kes di Selangor).

Beliau berkata, terdapat lapan lagi kematian baharu akibat wabak jtu menjadikan jumlah keseluruhan maut ialah sebanyak 294 kes.

Kes kematian ke-287, 288, 289, 290 dan kes kematian ke-291 semua melibatkan lelaki warga tempatan, manakala kes kematian ke-292 melibatkan perempuan warga tempatan, kes kematian ke-293 dan 294 merupakan perempuan bukan warga tempatan.

Shjingga kini, terdapat 86 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 31 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan. - Bernama

‘PKPB boleh dipendekkan’

PUTRAJAYA - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di semua negeri di Semenanjung kecuali Perlis, Kelantan dan Pahang boleh dipendekkan daripada empat kepada dua minggu jika lengkung jangkitan Covid-19 berjaya diratakan lebih awal.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, langkah mengehadkan pergerakan dari satu zon ke zon lain, daerah atau negeri adalah tindakan terbaik untuk mengurangkan penularan virus, sekali gus memutuskan rantaian jangkitan.

“Selagi ada pergerakan, berlaku pendedahan dan risiko kepada jangkitan. Tidak akan kembali kepada keadaan asal, sebab ini adalah norma baharu kerana virus itu sudah ada dalam komuniti.

“Kita perlu hidup dengan virus dan kita perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dengan amalan dan pencegahan jangkitan untuk terus hidup,” katanya di sini semalam. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 7 petang 9 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 40,207 kes kepada 41,181 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	41,181	PULIH:	29,579	ICU:	86	KEMATIAN:	294	KES BAHARU:	+972
---------------------	--------	--------	--------	------	----	-----------	-----	-------------	------

